






**PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
BAHAGIAN PENGAJIAN LINGUISTIK BAHASA MALAYSIA  
SEMESTER 2 SIDANG AKADEMIK 2019/2020**

**HMT314/4: PRAGMATIK**

**LATIHAN TUTORIAL 2ii**

**PENSYARAH : DR. ANISWAL ABD GHANI**

Tugasan ini diserahkan untuk memenuhi keperluan kursus **HMT 314/4 PRAGMATIK**. Kami yang disenaraikan di bawah dengan ini mengaku bahawa tugasan yang diserahkan ini merupakan hasil kerja kami dan sebarang rujukan telah dilakukan seperti yang sepatutnya mengikut peraturan membuat rujukan ilmiah. Hakcipta terpelihara. Kami izinkan sebarang kandungan khususnya transkrip digunakan untuk tujuan ilmiah. Disediakan oleh:

	<p><b>NAMA : AIDA SYAFIZA BINTI MOHD ZAKI</b>  <b>NO. MATRIK : 136329</b>  <b>NO. KP : 971126-11-5148</b>  <b>NO. TEL : 019 696 1833</b>  <b>EMAIL : <a href="mailto:aidazaki2611@gmail.com">aidazaki2611@gmail.com</a></b></p>
	<p><b>NAMA : AINUR SYAHIRA BINTI M ABD RAZAK</b>  <b>NO. MATRIK : 136334</b>  <b>NO. KP : 970526-01-5336</b>  <b>NO. TEL : 017 792 9882</b>  <b>EMAIL : <a href="mailto:runiarazak@gmail.com">runiarazak@gmail.com</a></b></p>
	<p><b>NAMA : CELINE BINTI RAYA</b>  <b>NO. MATRIK : 136346</b>  <b>NO. KP : 970216-13-6562</b>  <b>NO. TEL : 014 883 1448</b>  <b>EMAIL : <a href="mailto:ravaceline132@gmail.com">ravaceline132@gmail.com</a></b></p>
	<p><b>NAMA : NURASYIKIN BINTI JAWAD</b>  <b>NO. MATRIK : 136467</b>  <b>NO. KP : 970308-0105960</b>  <b>NO. TEL : 017 7954934</b>  <b>EMAIL : <a href="mailto:syikinjawad97@gmail.com">syikinjawad97@gmail.com</a></b></p>
	<p><b>NAMA : VANESSA GANIN ANAK LIMAN</b>  <b>NO. MATRIK : 136511</b>  <b>NO. KP : 970213-13-5628</b>  <b>NO. TEL : 017 320 9644</b>  <b>EMAIL : <a href="mailto:vanessaganinn13@gmail.com">vanessaganinn13@gmail.com</a></b></p>

**ULASAN PENSYARAH :**

## SOALAN 1

Dengan contoh-contoh yang sesuai, huraikan **TIGA** klasifikasi **lakuan bahasa Searle (1979)**.

**Komisif** merupakan jenis perlakuan tuturan bahasa yang mengikat penutur kepada sesuatu tindakan pada masa akan datang dan perlakuan tuturan bahasa ini melahirkan niat penutur untuk melakukan sesuatu ( (Huang, 2015). Austin (1962) pula menyatakan bahawa komisif adalah sesuatu yang menjanjikan atau menanggungjawabkan diri. Berdasarkan definisi komisif yang diberikan oleh beberapa tokoh linguistik, komisif merupakan sejenis lakuan bahasa yang melibatkan penutur dengan tindakan atau akibat selanjutnya.

Contoh situasi komisif adalah seperti saya bertekad akan belajar bersungguh-sungguh untuk peperiksaan kali ini. Penutur berjanji atau melahirkan niat dalam dirinya bahawa dia betul-betul akan belajar bersungguh-sungguh untuk menduduki peperiksaan kali ini (**Aida Syafiza**). Saya akan mula menabung pada bulan depan. Penutur berjanji untuk mula menabung pada bulan depan (**Ainur Syahira**).

Contoh situasinya, saya tidak akan makan di kedai itu lagi. Penutur berjanji atau melahirkan niat dalam dirinya bahawa dia tidak akan makan di kedai yang pernah dikunjunginya (**Celine**). Saya akan siapkan tugas itu pada malam ini. Penutur berjanji dan berniat akan menyiapkan tugas itu pada malam hari tersebut (**Nurasyikin**). Saya akan balik ke kampung setiap hujung minggu supaya emak tidak kesunyian (**Vanessa**).

**Ekspresif** merupakan perlakuan tuturan bahasa yang menunjukkan sikap psikologi atau mood penutur seperti bahagia, duka, suka atau tidak suka, mengucapkan tahniah dan tidak terdapat arah kesesuaian bagi memadankan jenis perlakuan tuturan bahasa ini (Huang, 2015). Menurut Yule (1996:55), lakuan ekspresif ialah penutur memastikan orang lain tahu perasaan yang dia rasakan. Berdasarkan definisi ekspresif tersebut, ekspresif ialah lakuan bahasa yang menunjukkan perasaan dan emosi kuat seseorang terhadap kesalahan ataupun memuji orang lain.

Contoh situasi bagi ekspresif adalah seperti saya sangat gembira dengan kecemerlangan yang kamu perolehi kali ini! Penutur menyatakan rasa gembiranya terhadap seorang sahabat yang telah berjaya di dalam bidangnya (**Aida Syafiza**). Saya terkilan kerana saya tidak sempat untuk membeli beg itu ketika jualan cuci gudang. Penutur menyatakan kekecewaannya kerana tidak membeli beg yang dikehendaki semasa jualan cuci Gudang berlangsung (**Ainur Syahira**).

Contoh situasinya, wah, awak semakin cantik !. Penutur menyatakan kepada seseorang individu yang dikenalnya bertambah cantik (**Celine**). Tahniah! Awak telah memenangi cabutan bertuah. Penutur mengucapkan tahniah kepada pemenang kerana nama dia tersenarai dalam salah seorang pemenang (**Nurasyikin**). Saya sedih kerana tidak dapat menyambut Hari Raya di kampung.

Penutur menyatakan rasa sedihnya kerana tidak dapat menyambut Hari Raya di kampung bersama keluarga (**Vanessa**).

**Direktif** merupakan jenis perlakuan tuturan bahasa yang menggambarkan usaha oleh penutur untuk membuatkan pesapa melakukan sesuatu. Perlakuan tuturan bahasa ini melahirkan keinginan penutur supaya pesapa membuat sesuatu. Kes paradigmatic termasuklah menasihati, mengarah, memerintah, menyoal dan meminta. Dalam menggunakan direktif, penutur berniat untuk membuatkan pesapa bertindak dalam jangkaan masa depan. (Huang 2015).

Contoh situasinya adalah seperti, perlahankan radio kamu, ia agak mengganggu. Penutur adalah seorang ibu yang meminta anaknya (pesapa) untuk memperlakan radio, dan pesapa melakukannya dengan segera atau mungkin mengambil sedikit masa (**Aida Syafiza**). Jangan percaya pada produk untuk menambah ketinggian. Perkara itu tidak akan berlaku dengan memakan produk tersebut. Penutur menasihati pendengar supaya tidak mempercayai produk peninggi kerana tiada produk yang dapat menambah ketinggian (**Ainur Syahira**).

Contoh situasinya, lain kali jangan makan vitamin saya lagi. Penutur memberitahu adiknya supaya tidak memakan vitamin miliknya kerana vitamin tersebut tidak sesuai untuk adiknya (**Celine**). Jaga jarak semasa berkomunikasi pada musim Covid-19 ini. Penutur menasihati pendengar supaya menjaga kesihatan apabila berada di tempat awam untuk mengelakkan wabak ini terus berjangkit (**Nurasyikin**). Kurangkan makan makanan pedas. Tidak baik untuk kesihatan. Penutur menasihati pendengar untuk mengurangkan pengambilan makanan pedas kerana ia akan memberi kesan kepada kesihatan pada masa akan datang (**Vanessa**).

## SOALAN 2

Huraikan konsep praandaian dengan menjelaskan **DUA** jenis **prandaian** sebagai contoh.

Menurut Garnham (1995), praandaian merupakan makna yang dianggap penutur telah dimaklumi atau diketahui oleh pendengar. Ini bermakna, praandaian ini ialah sesuatu yang telah dijangka oleh pendengar tanpa perlu diucapkan oleh penutur. **Praandaian faktif** ialah andaian yang benar dengan hadirnya kata kerja seperti “tahu”, “sedar”, “gembira”, dan sebagainya.

Contoh situasinya, saya tahu dia akan gembira mendengar berita itu (>>penutur mengandaikan bahawa berita yang disampaikan akan memberikan rasa gembira kepada pendengar (**Aida Syafiza**). Kami menyesal kerana memberitahu dia. (>> kami telah memberitahunya)(**Ainur Syahira**).

Saya sedar perbuatan itu salah tapi saya melakukannya demi kebaikan dia. (>> penutur sudah melakukan tindakan tersebut) **(Celine)**. Saya gementar kerana belum bersedia untuk menghadapi ujian tersebut. (>>saya belum bersedia menghadapi ujian) **(Nurasyikin)**. Saya takut kerana memberitahu dia rahsia itu (>> saya telah memberitahu rahsia) **(Vanessa)**.

**Praandaian leksikal** merupakan andaian bahawa dengan menggunakan satu perkataan sahaja, penutur boleh beranggapan dan bertindak bahawa makna perkataan lain akan dapat difahami.

Contoh situasinya, saya sudah kenyang (penutur membuat andaian bahawa dengan menyatakan ujaran tersebut, dia dapat menolak pelawaan rakannya yang mengajaknya makan) **(Aida Syafiza)**. Abu sudah tidak menanam cili. (Abu pernah menanam cili sebelum ini.) **(Ainur Syahira)**.

Contoh yang lain seperti saya menetap di Korea Selatan selama sepuluh tahun lalu (Penutur pernah menetap di Korea Selatan sebelum ini) **(Celine)**. Tok Samad tidak boleh makan makanan yang terlalu manis. (Tok Samad sudah tidak boleh makan makanan yang manis kerana dia mempunyai penyakit diabetes) **(Nurasyikin)**. James berhenti berjoging di stadium sukan USM pada hujung minggu. (Menunjukkan James sebelum ini selalu jogging di stadium USM setiap hujung minggu) **(Vanessa)**.

## **RUJUKAN**

Yan Huang. (2015). *Pragmatik (Puteri Roslina Abdul Wahid, Trans)*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Zulkifley Hamid. (1958). *Aplikasi Psikolinguistik : Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur : PTS Professional.